

Baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Takaful *mySmart Income Plus*. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

1. Apakah ciri-ciri pelan ini?

Pelan ini adalah pelan endowmen Takaful dengan bayaran caruman terhad yang menyediakan perlindungan untuk kematian dan Keilatan Menyeluruh dan Kekal ("KMK"). Pelan ini membayar bayaran tunai tahunan bermula dari akhir tahun sijil pertama. Di samping itu, pelan ini juga menyediakan elaun ihsan apabila kematian dan manfaat kematangan. Caruman tambahan tunggal tersedia di bawah pelan ini untuk meningkatkan baki dalam Akaun Peserta ("AP").

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Pelan ini menggunakan konsep-konsep Syariah berikut:

- Tabarru'** bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Di bawah pelan ini, peserta menderma sebahagian caruman ke dalam Akaun Khas Peserta ("AKP") untuk membantu peserta-peserta lain.
- Wakalah** merujuk kepada sebuah kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak lain untuk menjadi wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam perkara-perkara yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa dikenakan bayaran. Di bawah pelan ini, peserta memberi kuasa kepada Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad ("Takaful Malaysia" atau "Kami") untuk menguruskan AP, Akaun Manfaat Terjamin ("AMT") dan AKP dan sebagai balasan, Takaful Malaysia akan menerima yuran Wakalah.
- Ju'alah** merujuk kepada sebuah kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada satu pihak lain yang telah berjaya mencapai hasil yang telah ditetapkan. Di bawah pelan ini, peserta membenarkan Takaful Malaysia untuk menerima sebahagian daripada keuntungan pelaburan daripada AP dan AMT sebagai insentif prestasi atas pencapaian Takaful Malaysia dalam menguruskan AP dan AMT, yang menghasilkan keuntungan. Sebarang keuntungan pelaburan yang timbul daripada AP, termasuk sebarang keuntungan pelaburan yang timbul daripada AMT di mana jumlah keuntungan pelaburan tahunan melebihi 3.22%, akan diagihkan antara peserta dan Takaful Malaysia dalam perkadaran masing-masing 85% dan 15%.
- Qard** merujuk kepada sebuah kontrak pemberian pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam itu perlu membayar jumlah penggantian yang sama kepada pemberi pinjaman. Di bawah pelan ini, Takaful Malaysia akan meminjamkan sejumlah wang ke dalam AKP tanpa faedah jika AKP mengalami defisit.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Pelan ini melindungi:

No.	Manfaat	Bayaran Manfaat
1.	Manfaat Kematian	<p>Apabila berlaku kematian ke atas orang yang dilindungi, jumlah sekali gus berikut akan dibayar:</p> <ol style="list-style-type: none"> jumlah yang lebih tinggi daripada RM[sum_covered] atau jumlah caruman yang diterima oleh Kami tolak jumlah sebarang Manfaat Tunai Terjamin ("MTT") yang telah dibayar oleh Kami*; dan baki di dalam AP (jika ada).
2.	Manfaat KMK	<p>Apabila orang yang dilindungi mengalami KMK sebelum umur 70 tahun pada hari jadi akan datang, jumlah sekali gus berikut akan dibayar:</p> <ol style="list-style-type: none"> jumlah yang lebih tinggi daripada RM[sum_covered] atau jumlah caruman yang diterima oleh Kami tolak jumlah sebarang MTT yang telah dibayar oleh Kami*; dan baki di dalam AP (jika ada).
3.	Manfaat Kematian / KMK Akibat Kemalangan	<p>Jika berlaku kematian / KMK akibat kemalangan sebelum umur 70 tahun pada hari jadi akan datang, aman tambahan* yang berikut akan dibayar, di atas manfaat kematian / KMK yang perlu dibayar:</p> <ol style="list-style-type: none"> RM[sum_covered]; atau jumlah caruman yang diterima oleh Kami tolak jumlah sebarang MTT yang telah dibayar oleh Kami, mana yang lebih tinggi.

		Jika berlaku kematian / KMK akibat kemalangan di luar negara (di luar Malaysia) sebelum umur 70 tahun pada hari jadi akan datang, amaun tambahan* yang berikut akan dibayar, di atas manfaat kematian / KMK yang perlu dibayar: <ol style="list-style-type: none"> RM[2xsum_covered]; atau 200% dari jumlah caruman yang diterima oleh Kami tolak jumlah sebarang MTT yang telah dibayar oleh Kami, mana yang lebih tinggi. 														
4.	Elaun Ihsan	Apabila berlaku kematian ke atas orang yang dilindungi, amaun tambahan sebanyak RM[10%sum_covered] akan dibayar.														
5.	Manfaat Tunai Terjamin ("MTT")	MTT akan dibayar setiap tahun dari AMT bermula dari akhir tahun sijil pertama sehingga kematian, KMK, penyerahan atau kematangan, yang mana berlaku dahulu. <table border="1" data-bbox="457 599 1297 931"> <thead> <tr> <th>Akhir Tahun Sijil</th> <th>MTT Dibayar</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tahun 1- 4</td> <td>RM[gcb_amount]</td> </tr> <tr> <td>Tahun 5</td> <td>RM[gcb_amount]</td> </tr> <tr> <td>Tahun 6 – 9</td> <td>RM[gcb_amount]</td> </tr> <tr> <td>Tahun 10</td> <td>RM[gcb_amount]</td> </tr> <tr> <td>Tahun 11 – 14</td> <td>RM[gcb_amount]</td> </tr> <tr> <td>Tahun 15 (Kematangan)</td> <td>RM[gcb_amount]</td> </tr> </tbody> </table>	Akhir Tahun Sijil	MTT Dibayar	Tahun 1- 4	RM[gcb_amount]	Tahun 5	RM[gcb_amount]	Tahun 6 – 9	RM[gcb_amount]	Tahun 10	RM[gcb_amount]	Tahun 11 – 14	RM[gcb_amount]	Tahun 15 (Kematangan)	RM[gcb_amount]
Akhir Tahun Sijil	MTT Dibayar															
Tahun 1- 4	RM[gcb_amount]															
Tahun 5	RM[gcb_amount]															
Tahun 6 – 9	RM[gcb_amount]															
Tahun 10	RM[gcb_amount]															
Tahun 11 – 14	RM[gcb_amount]															
Tahun 15 (Kematangan)	RM[gcb_amount]															
6.	Manfaat Kematangan	Pada tarikh matang sijil, sebarang baki dalam AMT dan AP akan dibayar.														

* Jumlah bayaran manfaat tidak kurang daripada baki di dalam AMT.

Nota:

Tempoh perlindungan untuk pelan ini adalah lima belas (15) tahun.

4. Berapakah jumlah caruman yang perlu saya bayar?

- Jumlah caruman yang anda perlu bayar adalah bergantung kepada jumlah perlindungan dan mod bayaran caruman anda.
- Jumlah caruman yang anda perlu bayar di bawah pelan ini adalah RM[contribution] [mode_payment]. Anda mempunyai pilihan untuk membuat caruman secara bulanan, suku tahun, setengah tahun atau tahunan.
- Tempoh caruman untuk pelan ini adalah [contribution_term] tahun.

Sila rujuk kepada illustrasi pemasaran untuk maklumat lanjut.



Caruman yang anda bayar menyumbang kepada kedua-dua elemen simpanan dan perlindungan produk, cth manfaat kematian. Sekiranya anda sedang mencari sijil takaful dengan elemen simpanan pelaburan anda mungkin ingin membandingkan pulangan pelan ini dengan pulangan berkesan alternatif pelaburan lain.

5. Apakah caj-caj dan yuran-yuran yang perlu saya bayar?

- Yuran Wakalah ditolak awal sebagai peratusan caruman untuk memenuhi perbelanjaan pengurusan Kami dan jumlah kos pengagihan (iaitu komisen). Sila rujuk Jadual di bawah untuk butiran yuran dan komisen Wakalah.

Tempoh Bayaran Caruman	[year]	[year]	[year]	[year]	[year]
Caruman Dibayar (RM)	[cont]	[cont]	[cont]	[cont]	[cont]
Yuran Wakalah (%)	[wf%]	[wf%]	[wf%]	[wf%]	[wf%]
Yuran Wakalah (RM)	[wf_rm]	[wf_rm]	[wf_rm]	[wf_rm]	[wf_rm]
Komisen (%)	[comm%]	[comm%]	[comm%]	[comm%]	[comm%]
Komisen (RM)	[comm_rm]	[comm_rm]	[comm_rm]	[comm_rm]	[comm_rm]

- b. Tabarru' akan ditolak setiap bulan dari AMT kepada AKP. Tabarru' adalah [%] dan ia ditetapkan sebagai peratusan daripada caruman kasar bulanan untuk semua umur yang dicapai sepanjang tempoh perlindungan. Walau bagaimanapun, Tabarru' tidak terjamin.

Nota:

Sila rujuk ilustrasi pemasaran untuk butiran caj-caj ini di bawah pelan ini.

6. Apakah sebahagian daripada terma-terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?

- a. **Tanggungjawab Pendedahan** - Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 dari Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil perhatian yang sewajarnya untuk tidak memberikan maklumat palsu atau tidak tepat apabila anda memohon untuk pelan ini. Kegagalan berbuat demikian, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatkan kontrak takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang disediakan tidak tepat atau sudah berubah.
- b. **Tempoh Penelitian Percuma** - Terdapat tempoh penelitian percuma selama lima belas (15) hari calendar dari tarikh penghantaran e-Sijil untuk anda meneliti dan membuat keputusan sama ada anda mahu meneruskan pelan ini. Jika anda tidak mahu meneruskan pelan ini, anda boleh membatalkan sijil dan mendapatkan bayaran balik penuh untuk caruman yang anda telah bayar.
- c. Amaun di bawah AP atau AMT dan keuntungan hasil pelaburan AP atau AMT adalah tidak dijamin dan akan berdasarkan prestasi dana sebenar.
- d. Risiko pelaburan ditanggung sepenuhnya oleh anda dan manfaatnya mungkin kurang daripada jumlah caruman yang dibayar.
- e. Anda diberi pilihan untuk menerima MTT setiap tahun melalui kredit terus ("Pilihan Pembayaran") atau mengumpul MTT ke dalam AP ("Pilihan Pengumpulan"). Jika anda telah memilih Pilihan Pengumpulan, MTT akan dibayar bersama-sama dengan sebarang baki dalam AP apabila berlaku kematian, KMK, penyerahan atau kematan, yang mana berlaku dahulu. Tiada perubahan pada pilihan MTT dibenarkan setelah e-Sijil telah dikeluarkan.
- f. Pembayaran MTT adalah terjamin kerana sebarang kekurangan dalam pembayaran MTT akan dibayar daripada AKP berdasarkan konsep Tabarru' (derma) dan ta'awun (kerjasama) di kalangan peserta. Walau bagaimanapun, MTT tidak akan dijamin jika anda tidak membuat caruman lebih dari tiga (3) bulan berturut-turut.
- g. **Luput** - Sijil anda akan luput dan tiada perlindungan akan diberikan apabila baki di dalam AMT telah habis.
- h. Anda mesti mencalonkan penama dan memastikan penama anda mengetahui mengenai penyertaan anda di dalam pelan ini.
- i. Sekiranya berlaku kejadian yang mengakibatkan tuntutan, anda harus memberitahu Kami dengan serta-merta. Anda boleh merujuk kepada prosedur tuntutan dalam sijil anda.

Nota:

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil anda untuk senarai lengkap terma-terma dan syarat-syarat di bawah pelan ini.

7. Apakah pengecualian utama bagi pelan ini?

Manfaat Kematian

- a. Sekiranya orang yang dilindungi membunuh diri, ketika waras atau tidak waras, dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh berkuat kuasa perlindungan, tiada manfaat akan dibayar. Walau bagaimanapun, semua caruman yang diterima oleh Kami tolak sebarang MTT yang dibayar oleh Kami akan dikembalikan;
- b. Sekiranya kematian orang yang dilindungi berlaku sebelum hari lahir ke-2, tiada manfaat akan dibayar. Walau bagaimanapun, semua caruman yang diterima oleh Kami tolak sebarang MTT yang dibayar oleh Kami akan dikembalikan; atau
- c. Jika kematian orang yang dilindungi disebabkan selain daripada punca kemalangan dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh berkuat kuasa perlindungan, tiada manfaat akan dibayar. Walau bagaimanapun, semua caruman yang diterima oleh Kami tolak sebarang MTT yang dibayar oleh Kami akan dikembalikan.

Manfaat KMK

- a. Sekiranya KMK orang dilindungi berlaku sebelum hari lahir ke-2, tiada manfaat akan dibayar. Walau bagaimanapun, semua caruman yang diterima oleh Kami tolak sebarang MTT yang dibayar oleh Kami akan dikembalikan;
- b. Jika KMK orang yang dilindungi disebabkan selain daripada punca kemalangan dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh perlindungan yang berkuat kuasa, tiada manfaat akan dibayar. Walau bagaimanapun, semua caruman yang diterima oleh Kami tolak sebarang MTT yang dibayar oleh Kami akan dikembalikan;
- c. Jika KMK orang yang dilindungi yang telah wujud sebelum atau pada tarikh berkuat kuasa perlindungan, tiada manfaat akan dibayar; atau
- d. Jika KMK orang yang dilindungi disebabkan oleh cubaan membunuh diri atau kecederaan diri sendiri secara sengaja, ketika waras atau tidak waras, tiada manfaat akan dibayar.

Nota:

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil anda untuk senarai lengkap pengecualian di bawah pelan ini.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Anda boleh meminta untuk membatalkan sijil anda dalam tempoh penelitian percuma lima belas (15) hari kalender. Jika anda memilih untuk menyerahkan sijil anda selepas tempoh penelitian percuma lima belas (15) hari kalender, sebarang baki dalam AMT dan AP akan dibayar. Walau bagaimanapun, menyertai pelan takaful keluarga adalah komitmen kewangan jangka panjang. Baki terkumpul yang anda boleh dapatkan apabila anda menyerahkan sijil sebelum tempoh matang akan jauh lebih rendah daripada jumlah caruman yang telah anda bayar.

9. Apa yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk menghubungi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Takaful Malaysia sekiranya terdapat sebarang perubahan ke atas maklumat untuk dihubungi anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda pada masa yang ditetapkan.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan takaful keluarga, sila rujuk kepada buku panduan insuranceinfo mengenai 'Takaful Keluarga' yang boleh didapati di mana-mana cawangan Kami atau layari www.insuranceinfo.com.my/.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Takaful Malaysia di:

Unit Khidmat Pelanggan (UKP)

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)]

Tingkat 14, Blok Annex,
Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur, Malaysia.
P.O. Box 11483, 50746 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300 88 252 385
E-mel: csu@takaful-malaysia.com.my

11. Lain-lain jenis perlindungan takaful keluarga yang disediakan?

Sila ajukan pertanyaan kepada wakil jualan Kami untuk lain-lain jenis pelan yang serupa yang ditawarkan oleh Takaful Malaysia.

NOTIS PENTING:

PENYERTAAN DI DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTI MEMILIH JENIS PELAN YANG PALING SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA MESTI MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN KAMI ATAU MENGHUBUNGI TAKAFUL MALAYSIA UNTUK MAKLUMAT LEBIH LANJUT.

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dinyatakan dalam helaian penerangan ini adalah berkuat kuasa pada [MM/YYYY].